

28 OCT 2000

Sukan-Hishammuddin

MALAYSIA PERGIAT PROMOSI MENJELANG MESYUARAT OCA

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Malaysia akan menggunakan tempoh tiga minggu ini sebelum mesyuarat Majlis Olimpik Asia (OCA) di Pusan, Korea Selatan pada 12 Nov untuk menggiatkan promosi penawaran menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein berkata usaha promosi itu perlu ditingkatkan memandangkan mesyuarat itu akan memilih tuan rumah temasya sukan berkenaan.

"Saya sendiri akan melawat negara-negara Asean yang belum saya lawati iaitu Filipina, Thailand dan Myanmar dalam usaha mempromosikan Malaysia sebagai tuan rumah Sukan Asia 2006," katanya selepas upacara majlis penyerahan penajaan dan pendaftaran Larian Rakyat 2006, di sini hari ini.

Beliau mengadakan lawatan ke beberapa negara Teluk, Asia Barat dan Asia Tenggara untuk tujuan itu.

"Persaingan untuk menjadi tuan rumah agak sengit dan Malaysia telah melakukan yang terbaik untuk ketengahkan penawaran kita, saya yakin promosi yang gigih pada sangat akhir akan membantu," kata Hishammuddin.

Beliau berkata pada mesuarat OCA di Pusan 12 Nov itu, Malaysia akan mengemukakan kelebihan yang ada pada negara ini dan tidak akan menyentuh mengenai negara-negara lain yang turut berminat menganjurkan sukan itu.

"Kami akan membawa video mengenai kejayaan Malaysia menganjurkan Sukan Komanwel 1998 dan harap-harap ianya membantu. Sewaktu di Pusan nanti Malaysia akan diwakili oleh Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tunku Tan Sri Imran Tuanku Ja'afar, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzzaman Shariff dan saya sendiri untuk membuat pembentangan penawaran menjadi tuan rumah," katanya.

Selain Malaysia, Qatar, India dan Hong Kong turut menawarkan diri menjadi tuan rumah.

Mengenai Larian Rakyat 2006, beliau berkata tiga juta orang dijangka menyertai larian itu yang diadakan serentak di seluruh negara pada Sabtu depan.

"Berdasarkan jumlah pendaftaran sekarang iaitu melebihi 1.3 juta, angka itu adalah suatu yang tidak mustahil untuk dicapai.

"Saya berharap dengan bertambahnya penajaan bagi Larian Rakyat 2006 ini, jumlah penyertaan akan turut bertambah untuk memeriahkan lagi larian itu," katanya.

Larian Rakyat 2006 adalah satu usaha yang dilakukan oleh kementerian dalam tindakan gigihnya membantu Malaysia menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006.

Acara itu dapat membuktikan kepada OCA tentang kesungguhan dan komitmen rakyat Malaysia untuk menjadi tuan rumah temasya itu.

Larian itu akan melibatkan 14 lokasi di seluruh negara dan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Muhamad di Dataran Merdeka.

-- BERNAMA

KAY AZZ AKD